



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku



Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Satu Jam Boleh Merubah Hidup

Siti Faridah Kamaruddin
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

Satu jam. 60 minit. 3600 saat. Apa yang boleh dilakukan dalam masa satu jam? Mungkin jawapan anda adalah makan sendirian di sebuah kafe hipster sambil menghirup kopi dan menikmati kek. Mungkin juga anda jawab “Saya boleh habiskan satu episod drama Korea di Netflix!”. Anda juga mungkin terfikir untuk sekadar tinjau kedai (window shopping) di pusat beli belah kerana tarikh gaji masih lambat lagi. Mungkin jawapan anda juga adalah menatal telefon pintar anda di media sosial kegemaran anda seperti Facebook, Instagram dan X (Twitter). Tapi mungkin juga anda juga adalah golongan seperti penulis. Jawapan si penulis pula adalah “Kalau saya ada satu jam masa yang terluang, kalau boleh tanpa gangguan luar, saya mahu membaca.”

Menurut penulis Harlan Coben menerusi temubual beliau dalam siaran BBC The One Show yang dimuat naik di platform Instagram pada 8 Jun 2024, beliau berkongsi “Secara saintifiknya, membaca sebenarnya adalah baik untuk anda. Membaca buku, walaupun cuma lima minit sehari, dan bukannya menatap telefon pintar anda, membaca novel selama lima minit sehari, meningkatkan empati, menurunkan tekanan (stress), dan memperbaiki kesihatan mental. Mereka kini mengetahuinya melalui sains. Jadi saya sangat menyukai fakta bahawa Permaisuri (merujuk kepada mendiang Ratu Elizabeth) telah memutuskan untuk mengambil pendekatan ini. Jadi, daripada sekadar berjalan sebanyak 10,000 langkah sehari dan mengambil lima jenis buah-buahan dan sayuran, sekarang, kita ingin menambah, setiap hari, anda perlu membaca sekurang-kurangnya lima minit sehari. Dan itulah yang diamalkan oleh Permaisuri, saya mengakui dan memberi pujian kepada Permaisuri kerana tabiatnya itu.”

Jadi, bayangkan saudara dan saudari pembaca yang dihormati sekalian, dengan membaca dalam tempoh hanya lima minit sahaja, anda sudah mendapat pelbagai kebaikan seolah-olah anda telah berjalan 10,000 langkah sehari dan memakan pelbagai jenis buah-buahan dan sayur-sayuran (tapi penulis tidak bermaksud untuk menidakkan tabiat ini yang juga sama penting dilakukan bersama rutin membaca selama lima minit sehari). Itu kalau kita membaca selama lima minit. Bagaimana pula jika kita membaca sebanyak 60 minit sehari? Sudah tentu ada 12 kali ganda manfaat membaca kepada kita, bukan?

Suka juga penulis untuk menambah satu lagi ucapan pendek yang disampaikan oleh Profesor Bambang Sugiharto pada tahun 2019 di Festival Membaca Bandung yang dimuat naik semula oleh akaun Literasi Kata melalui platform TikTok pada 12 Julai 2024. Beliau ada mengulas tentang tabiat membaca novel “Mengapa kita perlu membaca novel dan bukan membaca buku pelajaran (yang lebih bersifat akademik)? Novel itu sebuah rakaman jatuh bangunnya manusia, rakaman kerumitan emosi dan imaginasi sebenarnya. Itulah novel. Novel itu penting kerana ianya merupakan tulisan individu, tulisan peribadi, dan itu yang membuatnya penting kerana hidup itu tidak sesederhana ilmu pengetahuan. Tidak sesederhana sains. Hidup itu rumit dan setiap orang mempunyai persepsi melalui pengalaman peribadi. Maka, semakin kita membaca novel, sebenarnya kita semakin masuk ke dalam pelbagai aneka bentuk kehidupan yang sebetulnya pelik. Itu adalah penting. Dengan cara itu, empati kita terhadap kemanusiaan itu ditumbuhkan dan diperdalamkan. Itu pentingnya

membaca novel. Itu bukan kerana kemahuan kita untuk berhibur sahaja, sama sekali tidak begitu.”

Penulis amat menyetujui kata-kata Profesor Bambang tentang kehidupan itu sesuatu yang pelik. Kita mungkin tidak dapat hidup menerusi pelbagai laluan kehidupan, misalnya menjadi Harry Potter yang menaiki penyapu terbang ketika bermain Quidditch. Realiti dunia sebenar juga bukanlah seperti dunia distopia yang cuma boleh diimpikan oleh penulis seperti siri *Divergent* tulisan Veronica Roth, *The Maze Runner* tulisan James Dashner dan *The Hunger Games* oleh Suzanne Collins. Mana mungkin hidup kita dikategorikan mengikut nilai insaniah kita seperti tidak mementingkan diri, keberanian, kebijaksanaan, sentiasa baik hati dan kejujuran (merujuk kepada siri *Divergent* sebagai contoh). Selain itu juga, adalah mustahil untuk kita berhenti daripada memakan daging hanya kerana kita mengalami mimpi ngeri seperti yang diceritakan menerusi dua sudut pandang daripada seorang suami yang buntu dan seorang isteri yang sebenarnya mengalami trauma sejak kanak-kanak dalam buku *The Vegetarian* tulisan Han Kang. Kita semua sedia maklum bahawa dunia sebenar bukan begitu, jadi perkara-perkara yang tidak masuk akal seperti ini cuma mampu direalisasikan menerusi penulisan buku sebegini.

Bercakap mengenai kehidupan yang pelik juga, kita cuma dapat merasai kesusahan hidup saudara-saudara Muslim kita di Palestin dan beberapa negara Islam sekitarnya menerusi buku yang ditulis oleh penulis yang berasal dari negara tersebut dan menulis pengalaman ngeri mereka melalui buku. Misalnya buku *As Long As The Lemon Trees Grow* nukilan Zoulfa Katouh yang menceritakan kisah seorang ahli farmasi wanita yang tidak terlatih terpaksa untuk menjadi seorang doktor. Namun akibat situasi semasa yang terdesak, watak tersebut menjalankan tugas doktor demi untuk menyelamatkan mangsa-mangsa perang di Syria. Dalam masa yang sama, watak itu sendiri berperang dengan dilema dalaman melalui satu entiti yang tercipta di bawah minda sedarnya. Watak ahli farmasi wanita ini berperang dengan dilema sama ada perlu terus tinggal di Syria dan mungkin boleh mengancam nyawa, atau melarikan diri mencari keselamatan dan perlindungan dari negara lain. Ataupun buku yang ditulis oleh Susan Abulhawa iaitu *Against The Loveless World* yang mana perjuangan watak utamanya dalam Organisasi Pembebasan Palestin yang beroperasi secara rahsia di bilik bawah tanah di salah sebuah pusat kecantikan menemui jalan buntu apabila dia dan suaminya ditangkap. Kisah fiksi ini berlaku dalam tempoh dari tahun 1948 semasa bermula perang Palestin - Israel sehingga ke tahun 2003 apabila berlakunya pencerobohan di Iraq. Dunia Arab selama ini hanya menyaksikan perang di sana sini, tapi bagaimanakah pengakhirannya, sama-samalah kita berdoa semoga ada sinar buat mereka yang teraniaya.

Mungkin pembaca turut terfikir, “Eh dia ni asyik suruh orang lain baca buku je? Tapi ambil sumber mengenai kebaikan buku daripada Instagram dan TikTok!” Baiklah saudara dan saudari, penulis juga ingin berkongsi mengapa tabiat membaca itu menjadikan kita semua lebih pintar? Menerusi bukunya yang bertajuk *Mindset* karya Dr. Carol S. Dweck dari Universiti Stanford (terbitan pertama pada tahun 2006, dan terbitan kedua tahun 2016), beliau ada menyatakan “Apabila kita membaca atau mempelajari perkara baharu, terdapat rangkaian-rangkaian halus di dalam otak kita yang sebenarnya bertambah dan menjadi semakin kuat. Semakin banyak kita mencabar otak kita untuk membaca, semakin banyak sel-sel otak kita bercambah. Kemudian, perkara yang anda rasakan susah atau mustahil sebelum ini seperti kosa kata yang baharu atau memulakan tabiat membaca akan dilihat menjadi semakin senang. Lagipun, otak adalah seperti otot. Ianya berubah dan menjadi bertambah kuat apabila anda menggunakannya. Kajian menunjukkan bahawa otak berkembang dan menjadi kuat apabila anda membaca.” (Mukasurat 229)

Jadi saudara dan saudari, membaca itu bukan sekadar terhad kepada pembacaan buku ilmiah sahaja. Apa jua bahan bacaan pilihan anda sama ada fiksi mahupun bukan fiksi

boleh memberi nilai tambah dalam diri kita semua. Jika anda semua masih bergelut untuk sentiasa konsisten membaca, mungkin anda boleh amalkan kaedah di bawah:

Pertama, baca bahan bacaan yang anda gemari. Jangan dengar saranan orang lain (termasuk penulis artikel ini juga!) tentang apa yang anda patut baca. Jangan membaca sesuatu yang membuatkan anda berasa terbeban oleh label “wajib baca”. Ini hanya akan menyebabkan anda hilang rasa minat membaca. Jadi, tanamkan rasa cinta terhadap aktiviti membaca terlebih dahulu, barulah tabiat ini akan lebih menyeronokkan untuk diteruskan.

Kedua, baca buku pada masa yang sama. Anda perlu mewujudkan persekitaran yang akan mencetuskan keinginan membaca secara konsisten tanpa perlu berfikir banyak mengenainya. Contohnya, anda mungkin gemar membaca buku sebelum tidur. Jadi, luangkan satu jam sebelum masa kebiasaan anda tidur. Ketekalan anda untuk membaca perlu diberi keutamaan. Lupakan tentang kualiti (misalnya bahan bacaan apa yang sebaiknya dibaca) atau kuantiti (misalnya saya mesti baca selama satu jam macam apa yang penulis artikel ni kata!)


Ketiga, seperti yang disarankan oleh Harlan Corben tadi, bacalah pada tempoh yang pendek. Jangan bimbang sekiranya anda hanya mampu untuk membaca cuma satu hingga ke dua minit sahaja dalam sehari. Matlamat kita sekarang adalah untuk membina tabiat automatik di bawah minda sedar yang akan membawa anda ke tingkah laku yang lebih konsisten. Cuma anda yang tahu apakah matlamat membaca yang anda cuba capai dan anda berjanji kepada diri sendiri untuk menunaikan hasrat tersebut.

Elakkan untuk membaca secara lantang (read aloud) semasa membaca. Aktiviti ini boleh memperlambatkan proses mental pembacaan (apa yang berlaku di dalam otak anda) yang boleh menyebabkan kesilapan pada otak dan mata anda semasa membaca. Aktiviti ini juga boleh mengganggu kelancaran proses membaca anda dan menyebabkan gangguan kerana anda mungkin perlu untuk membaca semula perkataan atau ayat yang anda rasa sukar difahami. Jangan buang masa untuk mengulang semula bacaan anda yang membuatkan anda tersekat pada sesebuah perenggan atau bahagian buku yang sama untuk jangka masa yang lama.

Tuntasnya, cuba untuk berseronok dengan membaca, beri keutamaan untuk kekal konsisten membaca, membaca dalam tempoh yang pendek dan meningkatkan kuantiti dan kualiti bacaan apabila anda sudah membina tabiat membaca anda. Selebihnya, tabiat membaca anda akan berlaku lebih semulajadi secara perlahan-lahan tanpa paksaan dan anda tidak akan melihat ke belakang terhadap pelaburan masa yang telah anda luangkan.


Jadi, meskipun kita sibuk dengan kerjaya dan keluarga, anda hanya perlu meluangkan secebis masa untuk membaca. Minimum sekadar lima minit dan maksimum sebanyak satu jam. Masa makan tengahari di pejabat boleh, selepas tamat kerja pada pukul 5 petang boleh, semasa menunggu selang solat maghrib ke isyak pun boleh. Pilihlah untuk hidup di dalam dunia yang merentasi pelbagai perenggan dan bukannya dunia sesudah noktah. Sebelum penulis mengakhiri nukilan ini, beliau ingin bertanya sekali lagi kepada pembaca yang budiman “Apa yang boleh dilakukan dalam masa satu jam?”

Jangan jawab kepada penulis, tapi berbincanglah dengan hati nurani dan minda yang bijak bestari sendiri. Masa untuk anda melakukan refleksi diri.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

